

**Kerajaan BN Tunai Janji Naikkan Kadar Bantuan Tanaman Semula Pekebun Kecil Bernama
2 Ogos, 2012**

SUNGAI PETANI, 2 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) menunaikan janji kepada pekebun kecil apabila menaikkan kadar bantuan tanam semula getah untuk menggalakan mereka berusaha meningkatkan produktiviti selain meringankan beban akibat kenaikan kos input pertanian, baru-baru ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata kadar bantuan tanaman semula itu dinaikkan kepada RM9,230 bagi setiap hektar di Semenanjung Malaysia berbanding RM7,000 sebelum ini.

Bagi Sarawak dan Sabah, kadar bantuan itu dinaikkan masing-masing kepada RM13,500 dan RM14,000 sehektar, katanya.

"Janji-janji kerajaan kepada masyarakat pekebun kecil setakat ini ditepati. Malah, pada tahun ini, kerajaan meluluskan RM397 juta kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) iaitu paling tinggi dalam sejarah untuk melaksanakan program tanam semula dan program pembangunan lain supaya lebih ramai pekebun kecil mendapat manfaat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan dividen Rancangan Tanaman Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanaman Semula Komersial (TSK) Risda peringkat negeri di sini, Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685252>

